



حَبِّاتُ خَيْرٍ خَيْرٌ مِنَ الْإِكْرَامِ وَالسَّلَامِ كِتَابَةً

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

22 ZULHIJAH 1443H / 22 JULAI 2022M

### HALALAN TOYYIBAH PIAWAIAN MAKANAN GUNAAN ISLAM

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 15.7.2022

PEGAWAI PENYEMAK : m. j.

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 18/07/2022

DIBACA PADA : 22/07/2022

DILULUSKAN OLEH : HARUDIN U. ALWI

Ketua Pengerus Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH PERTAMA**  
**HALALAN TOYYIBAH PIAWAIAN MAKANAN GUNAAN ISLAM**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِءُ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾ (المائدة: 88)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

**SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!**

Marilah kita telusuri hidup ini dengan mematuhi perintah dan larangan Allah SWT sebagai upaya meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada-Nya Yang Maha Esa. Sesungguhnya pahala hari akhirat lebih baik bagi orang yang beriman serta bertaqwa. Mimbar pada hari yang mulia ini mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk **“HALALAN TOYYIBAH PIAWAIAN MAKANAN GUNAAN ISLAM”**.

**KAUM MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH!**

Perbuatan mengambil atau makan dan minum benda yang haram sama ada dari segi zatnya mahupun dari segi sumbernya boleh menjadi punca doa kita tidak ataupun lambat dimakbulkan oleh Allah SWT. Perhatikan sabda Rasulullah SAW berikut ini yang **bermaksud**:

*“Perbaikilah makananmu (makanlah makanan yang halal) nescaya engkau akan menjadi orang yang selalu dikabulkan doanya. Jika ada seseorang yang memasukkan makanan haram ke dalam perutnya, maka tidak akan diterima amalannya selama empat puluh hari, dan seorang hamba yang dagingnya tumbuh dari hasil menipu dan riba, maka neraka lebih layak baginya.”* (H.R. at-Tabrani)

Berpandukan kepada mafhum sabda Rasulullah SAW ini, terdapat beberapa pengajaran penting yang perlu kita ambil berat.

**Pertama**, umat Islam dituntut supaya memastikan apa jua yang dimakan, diminum atau digunakan adalah halal dan baik sama ada dari segi zatnya mahupun dari segi sumbernya.

**Kedua**, Benda haram yang dimakan, diminum atau digunakan boleh menjadi punca doa tidak dimakbulkan oleh Allah SWT.

**Ketiga**, memakan atau meminum benda yang haram boleh menyebabkan amalan seseorang Muslim tidak akan diterima oleh Allah SWT selama empat puluh hari.

**Keempat**, neraka adalah balasan bagi mereka yang mengambil atau makan dan minum sesuatu dari hasil yang haram.

Dengan hal yang demikian, benda haram yang masuk ke dalam perut kebanyakan orang Islam hari ini mungkin menjadi sebab-musabab doa kurang makbul meskipun selalu mengajukan permohonan kepada Allah SWT setiap kali sesudah solat. Ia adalah akibat daripada sikap kurang mengambil berat tentang sumber atau zat benda yang dimakan dan diminum. Padahal memastikan setiap yang dimakan itu adalah halal, baik dan bersih sangat dituntut oleh Islam sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah; ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ  
عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

**Maksudnya:** "Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang lagi nyata bagi kamu."

### **SAUDARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA!**

Kelalaian atau ketidakpedulian terhadap aspek zat atau sumber benda yang dimakan kadangkalanya disebabkan oleh andaian bahawa semua jenis makanan yang berasaskan daging, lemak atau susu binatang halal yang dimakan adalah semuanya halal.

Memanglah ayam, kambing, lembu dan kerbau adalah binatang yang halal dimakan dagingnya. Tetapi ia boleh jatuh haram dimakan oleh orang Islam khususnya apabila

binatang tersebut disembelih tidak menurut syarak. Ini boleh berlaku apabila binatang ternak yang halal dimakan itu disembelih oleh orang yang bukan Islam atau disembelih atas nama lain selain Allah. Hal ini diperingatkan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam surah al-Maidah; ayat 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ  
وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا  
بِالْأَزْلَمِ ذَٰلِكُمْ فَسُقُوظ ... ﴿٣﴾

**Maksudnya:** "Diharamkan kepada kamu (makanan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik..." .

Melalui ayat ini, Allah menjelaskan bahawa benda atau bahan yang haram dimakan itu tidak hanya terhad kepada daging babi, bangkai, darah yang mengalir dan binatang yang disembelih atas nama lain dari Allah semata-mata. Malahan binatang ternak yang mati dicekik, yang mati dipukul, yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, yang mati ditanduk dan yang mati dimakan binatang buas juga adalah haram memakannya kecuali yang sempat disembelih sebelum putus nyawanya.

### **KAUM MUSLIMIN YANG SAMA-SAMA BERBAHAGIA!**

Sayugia diingatkan bahawa belum tentu semua daging binatang seperti ayam, kambing, lembu, rusa dan sebagainya yang dijual sama ada di pasar, pasar-pasar raya mahupun di tamu-tamu itu adalah halal belaka. Sebaiknya sebelum membeli, pastikan terlebih dahulu sumbernya seperti pengusaha serta penyembeluhnya di samping aspek kebersihan dan kesegarannya.

Demikian juga, umat Islam perlu berhati-hati makan dan minum di premis-premis yang tidak mempunyai jaminan halal atau logo halal sah dari pihak berkuasa agama Islam.

Ini termasuk juga premis-premis yang mempamerkan iklan mengelirukan seperti “serve no pork” dan “alcohol free”. Meskipun premis berkenaan tidak menjual daging khinzir dan arak, namun belum tentu bahan makanan yang dijual itu halal, suci dan baik menurut piawaian Islam. Allah SWT berfirman dalam surah al-Mukminun; ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

**Maksudnya:** “Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ

اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ

مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ  
، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ

عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فِدُوكْ يَغْ دَفْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَفَحَّامَةَ  
الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.  
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am,  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS  
Tel : 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.